

# lokal



CALON SPM dari SM Chong Hwa menaiki lori APM ke pusat peperiksaan berikutan laluan ke sekolah berkenaan ditenggelami air.

Oleh Khairulmizan  
Yahya  
am@hmetro.com.my

## Kuantan

Seramai 16 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari Sekolah Menengah (SM) Chong Hwa di sini, dibawa menaiki lori Agensi Pertahanan Awam Malaysia (APM) untuk ke pusat peperiksaan semalam, berikutan penutupan jalan bagi kenderaan kecil akibat banjir.

Menurut jurucakap APM Pahang, pelajar yang dijadualkan menduduki peperiksaan lisan SPM pagi semalam itu turut ditemani empat guru termasuk pengawas peperiksaan.

"Semua pelajar itu berkumpul di pekarangan masjid Universiti Islam Pahang

# 16 calon SPM naik lori APM

*Laluan ke pusat peperiksaan ditutup kepada kenderaan ringan akibat banjir*



PELAJAR SM Chong Hwa berkumpul di pekarangan masjid Unipass sebelum dijemput APM menggunakan lori tiga tan.

Sultan Ahmad Shah (Unipass) sebelum dijemput anggota APM menggunakan lori tiga tan jam 7.15 pagi.

"Beberapa laluan, termasuk berhampiran universiti dan pusat peperiksaan, masih ditenggelami air dan tidak selamat untuk dilalui kenderaan ringan.

"Hujan di daerah ini sudah berhenti dan cuaca juga se-

makin baik. Kami jangkakan laluan yang ditenggelami air akan boleh dilalui menjelang tengah hari," katanya.

Sementara itu, pengurusan SM Chong Hwa pada kenyataan di Facebook rasmi memberitahu, bantuan pengangkutan berkenaan diatur oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuantan.

"Jalan menghala ke sekolah SM Chong Hwa ditenggelami air menyebabkan laluan itu tidak boleh dilalui kenderaan.

"Semua calon SPM yang akan menduduki peperiksaan lisan diarahkan menunggu di lokasi ditetapkan sebelum dijemput untuk ke pusat peperiksaan," katanya.



*Hujan di daerah ini sudah berhenti dan cuaca juga semakin baik. Kami jangkakan laluan yang ditenggelami air akan boleh dilalui menjelang tengah hari"*

Jurucakap APM